



# MAKLUMBALAS INDUSTRI TERHADAP PELAJAR POLITEKNIK KUCHING SARAWAK YANG MENJALANI LATIHAN INDUSTRI BAGI SESI DISEMBER 2019 (PK-LI)

NIK SYAHRUL FAIZAL BIN NIK MAT  
MUHAMMAD SHAHRIL BIN GHAZALI  
MOHD FAIZUL BIN ABU BAKAR

## **ABSTRAK**

Pelaksanaan latihan industri merupakan salah satu daripada kurikulum atau kursus pendidikan bagi politeknik di Malaysia. Kursus latihan industri ini juga adalah satu syarat wajib untuk pelajar bagi memenuhi syarat tamat pengajian secara keseluruhannya. Program latihan industri diwujudkan bertujuan untuk memperkasa kompetensi pelajar di samping penglibatan proses pendedahan dan pengalaman dalam pelbagai aspek bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran pelajar dalam dunia pekerjaan pada masa kini. Oleh itu, soal selidik ini telah digunakan bagi mendapatkan maklumbalas dan input daripada pihak industri berkenaan prestasi dan pencapaian pelajar di samping dapat mengetahui tahap kesediaan industri dalam menawarkan peluang pekerjaan kepada pelajar selepas tamat sesi latihan industri di organisasi atau firma. Pihak industri diberikan ruang bagi melaksanakan penilaian terhadap pelajar secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi *online google form* yang melibatkan enam item penilaian iaitu *Technology Literacy, Communication Effectiveness, Teamwork, Policies, Procedures and Ethics* dan *Reporting Reflective Journal Book*. Senarai item yang digunakan ini adalah berpandukan rubrik penilaian yang terdapat pada borang markah penilaian latihan industri *Appendix 1*. Hasil dapatan daripada pelaporan ini juga akan dijadikan panduan dan rujukan oleh pihak pengurusan serta pihak jabatan terutamanya dalam kalangan pensyarah bagi menggilap potensi pelajar di samping menambahbaik lagi kualiti dan pencapaian kepada bakal pelajar yang menjalani latihan industri pada masa akan datang.

**MAKLUMBALAS INDUSTRI TERHADAP PELAJAR POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**  
**YANG MENJALANI LATIHAN INDUSTRI BAGI SESI DISEMBER 2019 (PK-LI)**

## **1.0 PENGENALAN**

Selaras dengan keperluan dan kehendak industri pada masa kini yang memerlukan tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing, pelaksanaan kursus latihan industri terhadap pelajar Politeknik Kuching Sarawak amatlah wajar dilaksanakan dalam membantu pelajar bagi mencapai tahap kebolehpasaran yang tinggi di samping mampu bersaing dengan graduan daripada institusi lain.

Pelaksanaan aktiviti latihan industri di peringkat institusi pengajian tinggi juga merupakan satu inisiatif yang bermanfaat dan berkesan dalam mewujudkan tahap kesediaan pelajar bagi memenuhi keperluan dan kehendak pihak industri pada masa kini yang semakin mencabar. Aktiviti latihan industri juga dapat membekalkan kemahiran praktikal yang dapat meningkatkan tahap penguasaan pemahaman pelajar berkenaan isu peranan serta tugas dan dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran pelajar tersebut. Tugas dan peranan berkaitan bidang yang diberikan oleh pihak industri kepada pelajar sewaktu tempoh pelaksanaan latihan industri amat penting bagi mencorak dan membentuk kemahiran serta kesediaan pelajar dalam melaksanakan tugas tersebut dengan lebih bermutu dan efisien.

Aktiviti latihan industri ini juga dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak iaitu samada pihak industri dan juga pelajar. Konsep ini dapat memberikan peluang kepada kedua-dua pihak tersebut dalam pembangunan aspek sumber manusia yang dapat memudahkan proses merekrut pekerja mahir atau separa mahir oleh pihak industri dan menggalakkan persaingan sihat di antara pelajar-pelajar dalam merebut peluang bagi memperoleh kerjaya yang lebih sesuai dengan bidang yang diceburi oleh pelajar tersebut.

## **1.1 Latihan Industri Politeknik Malaysia**

Kursus latihan industri di dalam kurikulum Politeknik Malaysia dilaksanakan bagi memberikan pendedahan kepada pelajar bagi memenuhi kompetensi di ekosistem pekerjaan yang berkaitan dengan permintaan, yang merangkumi literasi penggunaan teknologi, kaedah komunikasi yang berkesan, amalan kemahiran sosial dan pendekatan kerja secara berpasukan, dasar, peraturan serta prosedur, beretika serta profesional dan kaedah dalam proses pelaporan.

Kursus latihan industri dilaksanakan dalam tempoh 20 minggu di industri atau organisasi yang dipilih oleh pelajar atau melalui cadangan syarikat daripada Unit Perhubungan dan Latihan Industri di Politeknik masing-masing. Pelajar yang menjalani sesi latihan industri disarankan untuk mencapai beberapa objektif atau hasil pembelajaran yang ditetapkan dalam kursus ini yang merangkumi:

- a) Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan di tempat kerja.

Melakukan tugas secara *hands-on*, melibatkan penggunaan peralatan yang berkaitan, penyesuaian diri dengan pelbagai pendekatan teknologi terkini, mengaplikasikan pengetahuan dalam melaksanakan sesuatu tugas serta menunjukkan tahap peningkatan dalam pengetahuan serta kemahiran secara kreatif dan kritis.

- b) Komunikasi yang berkesan terhadap orang lain.

Mempunyai keupayaan dalam menerima dan memahami maklumat, melaksanakan arahan, menganalisis dapatan maklumat secara langsung atau tidak langsung, berkomunikasi secara lisan mahupun bukan lisan dengan melibatkan kesesuaian dengan semua peringkat kakitangan atau staf serta menguasai kemahiran asas dalam aktiviti rundingcara.

- c) Mengamalkan pendekatan kerja secara berpasukan

Berperwatakan positif dengan melibatkan diri secara aktif dalam pasukan kerja, melakukan tugas dalam situasi yang bersesuaian serta berusaha membina dan mengamalkan hubungan yang baik sesama ahli kerja dalam pasukan.

d) Dasar, peraturan, prosedur, beretika dan profesional

Sentiasa mengamalkan amalan pematuhan dalam mematuhi polisi serta peraturan dan arahan kerja yang juga berkaitan keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan oleh pihak organisasi.

e) Pelaksanaan proses dan kaedah dalam pelaporan.

Menghantar laporan tugas mengikut format yang telah diselaraskan dalam tempoh masa yang ditetapkan serta mempunyai kemampuan dalam menyampaikan idea dan pandangan berasal dalam proses pelaporan tugasan.

Sepanjang tempoh pelaksanaan latihan industri pelajar, sesi pemantauan akan dilaksanakan oleh pensyarah pemantau sekurang-kurangnya satu kali. Perkara ini membolehkan pihak politeknik memperolehi maklumbalas daripada pelajar dan pihak industri bagi melengkapkan lagi proses pelaksanaan latihan industri. Pemberatan bagi markah penilaian terletak pada pihak industri memandangkan pihak penyelia di industri yang lebih dekat dengan pelajar di samping pemerhatian dan pelaksanaan penilaian gerak kerja dapat dilakukan dengan lebih efisien dan berkesan. Justeru itu, maklumbalas industri ini merupakan dapatan maklumat yang amat penting bagi memastikan kursus latihan industri ini dapat diperkasakan serta ditambahbaik dari semasa ke semasa pada masa akan datang.

## 2.0 KAEADAH PELAKSANAAN

Dapatan maklumbalas industri ini terdiri daripada syarikat yang mengambil pelajar Politeknik Kuching Sarawak yang melibatkan jumlah seramai 47 orang sebagai pelatih yang menjalani aktiviti latihan industri bagi Sesi Disember 2019 (PK-LI). Kaedah yang digunakan adalah tinjauan yang berbentuk deskriptif dengan melibatkan penggunaan kaedah kuantitatif (Skala Likert) iaitu penggunaan set soalan yang diedarkan kepada responden yang terdiri daripada firma atau syarikat yang menyelia pelajar latihan industri bagi Sesi Disember 2019 (PK-LI).

Prosedur bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam maklumbalas industri ini, satu set soalan yang mengandungi enam item soalan dengan berpandukan rubrik penilaian yang terdapat daripada borang markah penilaian latihan industri pelajar (*Appendix 1*) telah disediakan dan diedarkan melalui kaedah emel dan aplikasi *whatsapp* kepada semua penyelia pelajar di syarikat yang berkaitan dalam tempoh dua minggu sebelum pelajar menamatkan aktiviti latihan industri iaitu pada minggu ke 18 pelaksanaan latihan industri.

### **3.0 PERBINCANGAN**

#### **Demografi Pelajar :**

<b>Jabatan Akademik</b>	<b>Jumlah Pelajar</b>	<b>Peratus (%)</b>
Jabatan Kejuruteraan Awam	13	27.7
Jabatan Kejuruteraan Elektrik	7	14.8
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	11	23.4
Jabatan Kejuruteraan Petrokimia	4	8.5
Jabatan Perdagangan	4	8.5
Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	8	17.1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>47</b>	<b>100</b>

#### **Skala Pencapaian:**


<b>Tidak Memuaskan</b>	<b>Kurang Memuaskan</b>	<b>Memuaskan</b>	<b>Baik</b>	<b>Cemerlang</b>
1	2	3	4	5

Berdasarkan analisis dapatan yang dilakukan, secara keseluruhannya industri atau syarikat telah menerapkan serta memberikan pendedahan yang berkesan kepada pelajar yang menjalani latihan industri. Perkara ini terbukti melalui dapatan maklumbalas industri bagi

enam item soalan yang berkaitan. Purata dapatan pencapaian bagi item literasi penggunaan teknologi menunjukkan skor pencapaian sebanyak 4.3 yang diklasifikasikan sebagai tahap pencapaian yang baik. Purata dapatan pencapaian bagi item tahap keberkesanan komunikasi pula menunjukkan skor pencapaian sebanyak 4.3 yang diklasifikasikan sebagai tahap pencapaian yang baik. Purata dapatan pencapaian bagi item kerja berpasukan pula menunjukkan skor pencapaian sebanyak 4.5 yang diklasifikasikan sebagai tahap pencapaian yang baik. Purata dapatan pencapaian bagi item dasar, prosedur dan peraturan pula menunjukkan skor pencapaian sebanyak 4.5 yang diklasifikasikan sebagai tahap pencapaian yang baik. Seterusnya, purata dapatan pencapaian bagi item etika profesional pula menunjukkan skor pencapaian sebanyak 4.4 yang diklasifikasikan sebagai tahap pencapaian yang baik. Purata dapatan pencapaian bagi item kaedah pelaporan buku jurnal refleksi pula menunjukkan skor pencapaian sebanyak 4.3 yang juga diklasifikasikan sebagai tahap pencapaian yang baik. Purata dapatan bagi pencapaian keseluruhan mencatatkan jumlah sebanyak 4.3 yang juga diklasifikasikan sebagai tahap pencapaian yang baik bagi markah pencapaian secara keseluruhannya yang merangkumi kesemua enam item tersebut.

**Dapatan maklumbalas industri melalui pecahan item soalan yang digunakan bagi pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam :**

**Jadual dan Carta 1 :**




Berdasarkan komen dan cadangan penambahbaikan daripada pihak penyelia industri bagi pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam berpandukan jadual dan carta 1, seramai 13 orang pelajar ini menunjukkan 10 orang daripadanya telah mendapat maklumbalas positif yang melibatkan prestasi yang cemerlang dalam melaksanakan tugas berpandukan arahan, panduan dan tempoh masa yang telah ditetapkan, sikap bertanggungjawab dan disiplin pelajar yang baik, tahap penyesuaian dan hubungan personel pelajar terhadap staf syarikat yang memuaskan serta pelajar diberikan ruang dan tawaran peluang untuk diserap terus bekerja selepas tamat menjalani sesi latihan industri. Seterusnya, 2 orang pelajar memperolehi maklumbalas yang memerlukan proses penambahbaikan dan 1 orang pelajar tiada sebarang maklumbalas yang diberikan. Maklumbalas yang memerlukan penambahbaikan melibatkan 2 orang pelajar di mana 1 orang pelajar diberikan maklumbalas berkaitan faktor kurangnya sikap proaktif manakala 1 orang pelajar lagi melibatkan kurangnya kemahiran komunikasi. Tahap pencapaian purata markah keseluruhan bagi setiap orang pelajar mencatatkan jumlah sebanyak 4.3 yang juga diklasifikasikan sebagai tahap pencapaian yang baik.

Maklumbalas bagi kesediaan dalam penawaran peluang kerjaya kepada pelajar daripada Jabatan Kejuruteraan Awam selepas tamat sesi latihan industri pula mencatatkan pencapaian sebanyak 10 orang pelajar yang bersamaan dengan 76.9 peratus telah ditawarkan peluang pekerjaan manakala 3 orang pelajar yang bersamaan dengan 23.1 peratus pula tidak ditawarkan peluang pekerjaan selepas menamatkan sesi latihan industri mereka di syarikat tersebut.

Dapatan maklumbalas industri melalui pecahan item soalan yang digunakan bagi pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik :


Jadual dan Carta 2 :



**JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK**

TECHNOLOGY LITERACY	COMMUNICATION EFFECTIVENESS	TEAMWORK	POLICIES, PROCEDURES & REGULATIONS	PROFESSIONAL ETHICS	REPORTING (REFLECTIVE JOURNAL BOOK)	TOTAL MARKS (INDIVIDUAL)	COMPANY READINESS TO OFFER JOB OPPORTUNITIES TO THIS STUDENT	OVERALL COMMENTS & RECOMMENDATIONS OF THIS STUDENT
4	5	5	5	4	5	4.7	YES	Karen is an extraordinary trainee. Fits in the team very well and willing to learn. Hardworking and cooperative
5	5	5	5	5	5	5	NO	Teknik Sk is very pleased with the performance and hope the student will have a great opportunities outside. Very good in Autocad, excellent in calculating and really helpful. For the mean time Teknik Sk is not ready to hire people in because of the economy.
5	5	5	5	5	5	5	NO	Teknik SK Sdn Bhd really happy for the student's performance. An aggressive person and have good leader skill. Excellent in Autocad drawing and good in teamwork. Unfortunately Teknik Sk not yet ready to hire for time being as economy is not good nowadays. I hope that the student will have great opportunity outside.
3	3	3	3	3	3	3	NO	NEED TO BE MORE PROACTIVE
4	4	4	4	4	4	4	YES	Helpful and hardworking person.
4	5	5	5	5	5	4.8	YES	An excellent team player and always deliver urgent work diligently.
5	5	5	5	5	5	5	YES	Fast learner, team player, but experience gained outside of the study course
4.3	4.6	4.6	4.6	4.4	4.6	4.5		

**Count of COMPANY READINESS TO OFFER JOB OPPORTUNITIES TO THIS STUDENT**



Berdasarkan komen dan cadangan penambahbaikan bagi pelajar daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik berpandukan jadual dan carta 2 pula, seramai 7 orang pelajar ini menunjukkan 6 orang daripadanya telah mendapat maklumbalas positif yang melibatkan tahap prestasi cemerlang dalam melaksanakan tugas yang diberikan, tahap disiplin dan etika kerja yang memberangsangkan, rajin membantu serta cepat dalam mempelajari sesuatu perkara yang baharu. Seterusnya, 1 orang pelajar pula memperolehi maklumbalas yang memerlukan proses penambahbaikan yang menerangkan tentang teguran berkaitan tahap kurangnya sikap proaktif pelajar sepanjang melaksanakan sesi latihan industri di firma. Tahap pencapaian purata markah keseluruhan bagi setiap orang pelajar mencatatkan jumlah sebanyak 4.5 yang juga diklasifikasikan sebagai tahap pencapaian yang baik.

Maklumbalas bagi kesediaan dalam penawaran peluang kerjaya oleh pihak industri kepada pelajar daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik selepas tamat sesi latihan industri pula mencatatkan pencapaian sebanyak 4 orang pelajar yang bersamaan dengan 57.1 peratus telah ditawarkan peluang pekerjaan manakala 3 orang pelajar yang bersamaan dengan 42.9 peratus pula tidak ditawarkan peluang pekerjaan selepas menamatkan sesi latihan industri mereka di syarikat tersebut.

Dapatan maklumbalas industri melalui pecahan item soalan yang digunakan bagi pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal :

Jadual dan Carta 3 :




Berdasarkan komen dan cadangan penambahbaikan bagi pelajar daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal berpandukan jadual dan carta 3 pula, seramai 11 orang pelajar ini menunjukkan 9 orang daripadanya telah mendapat maklumbalas positif yang melibatkan tahap prestasi cemerlang dalam melaksanakan tugas di bawah pemantauan yang minimum dari penyelia syarikat. Di samping itu juga, pelajar menujukkan minat yang mendalam untuk mempelajari tentang ilmu yang diajar oleh pihak syarikat dan disiplin yang memberangsangkan serta mampu beradaptasi dengan situasi semasa. Seterusnya, 2 orang pelajar mendapat maklumbalas yang memerlukan proses penambahbaikan iaitu berkaitan faktor kurangnya kemahiran dan pengetahuan berkaitan bidang teknikal yang perlu diberikan usaha lebih bagi meningkatkan tahap penguasaan dan pengaplikasian pelajar tersebut bagi mencapai hasil kerja yang lebih bermutu. Tahap pencapaian purata markah keseluruhan bagi setiap orang pelajar mencatatkan jumlah sebanyak 4.4 yang juga diklasifikasikan sebagai tahap pencapaian yang baik.


Maklumbalas bagi kesediaan dalam penawaran peluang kerjaya oleh pihak industri kepada pelajar daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal selepas tamat sesi latihan industri pula mencatatkan pencapaian sebanyak 6 orang pelajar yang bersamaan dengan 54.5 peratus telah ditawarkan peluang pekerjaan manakala 5 orang pelajar yang bersamaan dengan 45.5 peratus pula tidak ditawarkan peluang pekerjaan selepas menamatkan sesi latihan industri mereka di syarikat tersebut.

Dapatan maklumbalas industri melalui pecahan item soalan yang digunakan bagi pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Petrokimia :

Jadual dan Carta 4 :



JABATAN KEJURUTERAAN PETROKIMIA								
TECHNOLOGY LITERACY	COMMUNICATION EFFECTIVENESS	TEAMWORK	POLICIES, PROCEDURES & REGULATIONS	PROFESSIONAL ETHICS	REPORTING (REFLECTIVE JOURNAL BOOK)	TOTAL MARKS (INDIVIDUAL)	COMPANY READINESS TO OFFER JOB	OVERALL COMMENTS & RECOMMENDATIONS OF THIS STUDENT
4	5	5	4	4	5	4.5	YES	Good
5	5	5	5	5	5	5	YES	En Awang Aiman has very good work ethics and follow direction well. He completed the industrial training very well. Overall Excellent.
4	4	4	4	4	4	4	YES	Smart
5	5	5	5	5	4	4.8	YES	She is a good trainee, able to perform analysis with less supervision, fully give cooperation to the team and willing to learn new analysis.
4.5	4.8	4.8	4.5	4.5	4.5	4.6		




Berdasarkan komen dan cadangan penambahbaikan bagi pelajar daripada Jabatan Kejuruteraan Petrokimia berpandukan jadual dan carta 4 pula, seramai 4 orang pelajar tersebut menunjukkan kesemua daripadanya telah mendapat maklumbalas positif dengan mencatatkan tahap pencapaian yang cemerlang terhadap tugasan yang diberikan di samping pelajar mampu untuk membuat penganalisisan dengan tahap pemantauan yang minimum daripada penyelia di industri. Seterusnya, pelajar juga turut mengamalkan etika kerja yang profesional dan memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada ahli kerja sepasukan dalam menyelesaikan tugasan dan arahan yang diberikan secara efisien dan berkesan. Tahap pencapaian purata markah keseluruhan bagi setiap orang pelajar mencatatkan jumlah sebanyak 4.6 yang boleh dikelaskan sebagai tahap pencapaian yang baik dan cemerlang.


Maklumbalas bagi kesediaan dalam penawaran peluang kerjaya oleh pihak industri kepada pelajar daripada Jabatan Kejuruteraan Petrokimia selepas tamat sesi latihan industri pula mencatatkan pencapaian sebanyak 4 orang pelajar yang bersamaan dengan 100 peratus telah ditawarkan peluang pekerjaan.

Dapatan maklumbalas industri melalui pecahan item soalan yang digunakan bagi pelajar dari Jabatan Perdagangan :

Jadual dan Carta 5 :



JABATAN PERDAGANGAN								
TECHNOLOGY LITERACY	COMMUNICATION EFFECTIVENESS	TEAM WORK	POLICIES, PROCEDURES & REGULATIONS	PROFESSIONAL ETHICS	REPORTING (REFLECTIVE JOURNAL BOOK)	TOTAL MARKS (INDIVIDUAL)	COMPANY READINESS TO OFFER JOB OPPORTUNITIES TO THIS STUDENT	OVERALL COMMENTS & RECOMMENDATIONS OF THIS STUDENT
4	4	5	4	4	4	4.2	YES	Abel to work with minimum supervision
5	4	4	4	4	3	4	YES	She was a quick learner and grasped our system very quickly. Overall an excellent intern.
5	5	5	4	5	5	4.8	YES	Give an opportunity to do sharing in front of audience
4	3	5	3	3	3	3.5	YES	Very helpful & able to work as directed
4.5	4	4.75	3.75	4	3.75	4.1		




Berdasarkan komen dan cadangan penambahbaikan bagi pelajar daripada Jabatan Perdagangan berpandukan jadual dan carta 5 pula, seramai 4 orang pelajar ini menunjukkan kesemuanya telah memperolehi maklumbalas positif yang menerangkan tahap prestasi pelajar yang memberangsangkan merangkumi kemampuan untuk melaksanakan dan menyelesaikan tugas di bawah pemantauan yang minimum, pantas dalam beradaptasi terhadap prosedur dan sistem terkini yang digunakan di industri serta mempunyai sikap bertanggungjawab dalam membantu melancarkan proses dalam menyelesaikan sesuatu tugas dan kerja yang berkaitan. Pihak industri juga mencadangkan agar pelajar diberikan pendedahan dan peluang yang lebih bagi meningkatkan dan memantapkan faktor kemahiran komunikasi berkenaan tahap keyakinan pelajar dalam kaedah pengucapan awam. Tahap pencapaian purata markah keseluruhan bagi setiap orang pelajar mencatatkan jumlah sebanyak 4.1 yang juga diklasifikasikan sebagai tahap pencapaian yang baik.

Maklumbalas bagi kesediaan dalam penawaran peluang kerjaya oleh pihak industri kepada pelajar daripada Jabatan Perdagangan selepas tamat sesi latihan industri pula mencatatkan pencapaian sebanyak 4 orang pelajar yang bersamaan dengan 100 peratus telah ditawarkan peluang pekerjaan.

Dapatkan maklumbalas industri melalui pecahan item soalan yang digunakan bagi pelajar dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi :


Jadual dan Carta 6 :



Berdasarkan komen dan cadangan penambahbaikan bagi pelajar daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi berpandukan jadual dan carta 6 pula, seramai 8 orang pelajar yang menunjukkan 6 orang daripadanya telah mendapat maklumbalas positif dengan menunjukkan tahap pencapaian yang baik di samping mampu melaksanakan lebih tugas serta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak industri. Pihak industri juga menyatakan tahap kepuasan yang tinggi terhadap prestasi pelajar yang komited dan mampu bekerja sebagai satu pasukan dalam menyempurnakan sesuatu tugas seperti pelajar mampu melengkapkan urusan berkaitan kertas kerja projek, melakukan pemeriksaan terhadap peralatan komunikasi dengan berkesan, melaksanakan tugas dalam pelbagai kaedah yang berbeza serta memberikan komitmen penuh untuk mempelajari sesuatu perkara yang baharu. Seterusnya, 2 orang pelajar pula memperolehi maklumbalas yang agak kurang memberangsangkan menunjukkan komen yang terlalu umum dari pihak penyelia industri. Jumlah markah pencapaian purata individu bagi 2 orang pelajar tersebut juga berada di tahap tidak memuaskan yang memerlukan perhatian yang lebih terperinci. Tahap pencapaian purata markah keseluruhan bagi setiap orang pelajar mencatatkan jumlah sebanyak 4.1 yang juga diklasifikasikan sebagai tahap pencapaian yang baik.

Maklumbalas bagi kesediaan dalam penawaran peluang kerjaya oleh pihak industri kepada pelajar daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi selepas tamat sesi latihan industri pula mencatatkan pencapaian sebanyak 4 orang pelajar yang bersamaan dengan 50 peratus telah ditawarkan peluang pekerjaan manakala 4 orang pelajar yang bersamaan dengan 50 peratus juga tidak ditawarkan peluang pekerjaan selepas menamatkan sesi latihan industri mereka di syarikat tersebut.

**Carta 7 :**



Carta 7 menunjukkan jumlah keseluruhan pencapaian maklumbalas bagi kesediaan dalam penawaran peluang kerjaya oleh pihak industri kepada pelajar yang menjalani latihan industri bagi Sesi Disember 2019 (PK-LI). Secara keseluruhannya, seramai 32 orang pelajar telah ditawarkan peluang pekerjaan manakala seramai 15 orang pelajar lagi tidak ditawarkan peluang pekerjaan yang masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 68.1 peratus dan 31.9 peratus. Perkara ini berkemungkinan amat berkait rapat dengan tahap prestasi dan kompetensi pelajar yang mampu menjadi garis pengukur untuk dibuat pertimbangan serta diperhalusi oleh pihak industri berdasarkan kualiti dan mutu yang dipamerkan oleh pelajar sepanjang menjalani latihan industri.

#### **4.0 KESIMPULAN**

Isu kebolehpasaran graduan merupakan salah satu elemen penting yang sering dijadikan kajian oleh para penyelidik pada masa kini. Terdapat banyak faktor yang perlu dititikberatkan oleh pelajar dalam menerima tawaran yang diberikan oleh pihak industri selepas tamat sesi latihan industri antaranya faktor lokasi firma, kesesuaian tawaran jumlah gaji yang ditawarkan, pelajar menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi atau mendapat tawaran bekerja di firma lain dan sebagainya yang menjadi penyumbang kepada penolakan tawaran pekerjaan tersebut. Aspek pengetahuan dan kemahiran adalah unsur penting yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh pelajar sepanjang proses melaksanakan aktiviti latihan industri. Perkara ini juga perlu diambil perhatian oleh pihak institusi pendidikan bagi memenuhi kriteria-kriteria penting dalam menyediakan graduan yang bercirikan holistik dan kompeten bagi menghadapi suasana alam pekerjaan dan cabaran industri pada masa kini. Di samping itu juga, pelajar yang bakal menjalani sesi latihan industri juga seharusnya bersedia dengan membuka minda mereka berhubung perkara ini agar dapat membina sikapberdaya saing secara sihat bagi merebut peluang yang ditawarkan ini dengan sebaik mungkin.

## LAMPIRAN

### i. Borang soal selidik maklumbalas industri



#### INDUSTRY FEEDBACK FORM

THIS FORM MUST BE COMPLETED ONLY BY SUPERVISOR OR PERSON IN-CHARGE FOR EACH OF THE STUDENT

\*Required

FULL NAME OF SUPERVISOR \*

Your answer

CONTACT NUMBER OF SUPERVISOR / COMPANY \*

Your answer

NAME OF THE COMPANY \*

Your answer

FULL NAME OF STUDENT UNDER COMPANY SUPERVISION \*

Your answer

TECHNOLOGY LITERACY \*

1	2	3	4	5	
UNSATISFACTORY	<input type="radio"/> EXCELLENT				

COMMUNICATION EFFECTIVENESS \*

1	2	3	4	5	
UNSATISFACTORY	<input type="radio"/> EXCELLENT				

TEAMWORK \*

1	2	3	4	5	
UNSATISFACTORY	<input type="radio"/> EXCELLENT				

POLICIES, PROCEDURES & REGULATIONS \*

1	2	3	4	5	
UNSATISFACTORY	<input type="radio"/> EXCELLENT				

PROFESSIONAL ETHICS \*

1	2	3	4	5	
UNSATISFACTORY	<input type="radio"/> EXCELLENT				

REPORTING (REFLECTIVE JOURNAL BOOK) \*

1	2	3	4	5	
UNSATISFACTORY	<input type="radio"/> EXCELLENT				

COMPANY READINESS TO OFFER JOB OPPORTUNITIES TO THIS STUDENT \*

YES  
 NO

OVERALL COMMENTS & RECOMMENDATIONS OF THIS STUDENT \*

Your answer

FILL IN PASSWORD TO SUBMIT \*

Your answer

**Submit**

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)



UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI  
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK